

# HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

Di dalam makalah saya yang lalu dapatlah saya simpulkan di sini dengan memberi ingat bahawa jika tuan-tuan atau ibu bapa hendak mengahwinkan anak-anaknyanya yang gadis janganlah sekali-sekali mengahwinkan dengan kesukaan sendiri dengan tidak mendapat izin yang sarih daripadanya oleh kerana jika kita tidak sabitkan dengan tepat izinnya itu sudah tepat perkahwinannya dengan tidak keredhaannya itu tidak sah dan akan membawa kepada binasanya titisan keturunannya yang akan datang dan di sebalik itu kehidupannya tidak akan jadi aman dan damai dan kelak akan membawa keadaanya porak peranda yang akan membinasakan keselamatannya yang akan datang sebab dengan yang demikian itu akan menjauhkan perasaan berkurang berlebih dalam permasyaratan kelak.

(oleh Ummu Mohsin)

## APA DIA KEBEBASAN PEREMPUAN

-----\*-----\*

Sekarang saya suka menarik perhatian pembaca-pembaca sebelum meneruskan perkara kebebasan tentang meletakkan perkahwinan atas seseorang, kepada masalah bagaimana Islam telah memberi hak kepada perempuan-perempuan supaya kita mengetahui dengan jelas dan dapat difikirkan bersama-sama bagaimana Islam telah memandang dan memuliakan Islam pada sisinya. Setengah-setengah pembaca harus tidak akan lebih berkenan kiranya saya tidak menakikkan di sini fikiran daripada ahli-ahli fikir Islam yang terkenal seperti Al-Alamah Muhamad Fridujadi yang telah memberi ulasan yang tepat dan panjang tentang kebebasan perempuan yang ditulis di dalam kitabnya yang bernama "Islam Din 'Am Khalid".

Muhamad Farid Wajdi telah mengatakan sebelum kedatangan

Islam perempuan itu walau di mana ada dan apa bangsanya pun adalah hina dan dipandang hina oleh mereka itu. Dengan ketibaan Islam nasib mereka itu telah berubah kerana Islam telah meletakkan perempuan itu kepada tempatnya yang layak di dalam masyarakat, supaya kebolehan dan kelayakan mereka nyata diketahui yang dengannya dapat kelak terhimpun sengan sempurna semua jalan-jalan yang membawa kepada kemajuan masyarakat dan tujuan-tujuannya yang tinggi.

Kerana tujuan-tujuan yang tersebut Islam telah meluaskan beberapa rancangan yang setengah daripadanya ia telah menetapkan bahawa perempuan dan lelaki itu ialah dua anggota yang di antara satu dengan lain lengkap melengkapi – kedua-duanya dijadikan untuk membentuk keluarga dan di antara keduanya terbentuk perasaan kasih sayang dan cinta mencintai. Yang demikian ini telah ditunjukkan oleh Allah dengan firmannya : "*wa min ayatihī an khalaqalākum min anfusikum azwajan li taskunu ilaiha*

*wajaal bainakum mawaddah wa rahmah*” – maksudnya Dan daripada tanda kebesaran Allah maka telah dijadikan bagi kamu berpasang-pasangan supaya kamu ambil bagi rakan hidup, dan dijadikan kamu berdua berperasaan berkasih sayang dan belas kasihan.

Oleh kerana jenis kita (perempuan) asal kejadiannya daripada tulang rusuk lelaki maka telah kena pada tempatnya jika kita menerima apa yang biasa telah kita terima dan lelaki hendaklah menunaikan kewajibannya bagaimana juga kewajipan yang kita telah menerimanya. Hak dan kewajipan yang tersebut telah ditunjukkan oleh kerana Allah di dalam firmanNya yang maksudnya, “Barangsiapa di anatar lelaki dengan perempuan beramal soleh dengan hal keadaan beriman maka kami akan menghidupkannya dengan baik dan kami akan balas mereka dengan sebaik-baik balasan (iaitu terhadap kepada apa yang mereka telah amalkan).

Islam telah memberi hak kepada kita perempuan mewarisi bahkan telah diberinya segala hak yang mengenai masyarakat yang lain-lain yang dapat oleh lelaki – sehinggakan hak memiliki dan bermuamalah (berjual beli) diberi juga kepadanya daripada segala jenisnya. Islam telah mendedahkan kepada perempuan semua

jenis perniagaan halal, pekerjaan tangan dan sebagainya.

Pendekatan Islam tidak pernah menutup pintunya kepada mereka atas berbagai jenis perusahaan hidup selain daripada “berdedah dan menunjukkan diri dengan luasnya dengan tidak bersegar silu”. Bagaimana yang telah terikut-ikut oleh orang-orang kita pada hari ini yang kononnya mengajar kepada tamadun dan kebebasan sosial mereka. (Perkara ini Insya-Allah jika ada peluang akan saya bawa hukum-hukum dan cara-caranya kelak mengikut pengajaran Al-Qur’a’n dan Al-Hadis).

Rasanya tidak ada sesiapa yang ada di dalam dunia ini yang akan menempelak Islam terhadap kepada langkahnya menentang berdedah itu bahkan Farid Wajdi sendiri yakin walau keturunan-keturunan yang akan datang pun tidak akan tergamak mencelanya sekalipun tinggi kemajuan manusia pada masa itu.

Menurut pendapat saya hal ini sememangnya benar kerana daripada apa yang kita pandang dan kita lihat bahawa banyak bencana-bencana yang telah terjadi daripada percampuran-percampuran yang tidak berhad daripada lelaki yang melanggar tegahan-tegahan Islam – yang demikian ini dan tidak akan disempadankan oleh lelaki atau perempuan walau sebagaimana tinggi pelajarannya



*Persidangan utusan muslimat bagi Masyumi diambil tatkala mengadakan persidangan daripada utusan-utusannya di Sukabumi.*

*Bahagian muslimat ini banyak mengambil bahagian yang utama di dalam pembangunan masyarakat Islam di Indonesia.*

sekalipun oleh kerana di antara satu dengan lain kehendak mengehendaki. Sebab itulah perkara berdedah itu menjadi suatu perkara tegahan yang kuat sebab daripadanya membawa punca yang akan meruntun mereka kepada pekerjaan-pekerjaan yang akan merosakkan taraf dan dirinya sendiri.

## TARAF PEREMPUAN

“Apabila agama Islam telah menetapkan bahawa perempuan itu ialah seorang manusia yang setaraf dengan lelaki maka adakah Islam membenarkan perempuan supaya memaju dan meluaskan akalannya? Atau adakah Islam telah meletakkan di hadapannya sempadan yang tentu supaya ia jangan melampauinya sebagaimana yang telah dilakukan oleh penduduk dunia sehingga kurun yang kesembilan belas ini?” – Tanya Farid Wajdi di dalam makalahnya itu.

Yang demikian ini telah dijawabnya sendiri dengan mengatakan sebelum Islam maka dunia telah mengharamkan perempuan masuk ke sekolah tinggi dan pada masa itu telah menutup pintu kepadanya supaya jangan ia mencapai pelajaran-pelajaran yang tinggi tetapi Islam telah membenarkannya dan meluaskan supaya perempuan itu diberi pelajaran bahkan diwajibkan kepada mereka itu. Cuba semak sabda Rasulullah (SAW) yang maksudnya : “Menuntut ilmu itu diwajibkan ke atas tiap-tiap muslimin dan muslimat (lelaki dan perempuan Islam).”

Dengan keterangan yang tersebut di atas ini menunjukkan bahawa agama Islam itulah yang awal pertama menetapkan bahawa ilmu pengetahuan itu wajib dituntut oleh lelaki dan perempuan. Tidakkah ini menunjukkan bahawa Islam telah membenarkan perempuan supaya menghadiri persidangan umum yang telah diadakan oleh kerajaan merundingkan segala-galanya yang berkenaan dengan masyarakat mereka itu atau di dalam perkerjaan-pekerjaan meminta fikiran ramai berkenaan dengan sesuatu undang-undang baharu, kerana keluasan yang demikian itu pernah kelihatan kaum perempuan mengunjungi persidangan-persidangan yang tersebut.

Di dalam salah satu persidangan ramai Amirul Mukminin Umar Ibnu al-Khattab (Al-Farouk) telah meminta fikiran orang yang hadir untuk menetapkan banyaknya mas kahwin yang diberi kepada perempuan supaya jangan melampau dan memberati. Saidina Umar sendiri telah menyatakan fikirannya kepada ramai menyetujui ketetapan itu dengan berdiri di atas mimbar dan di dalam masa menerangkan kehendak itu maka dengan tiba-tiba seorang perempuan telah bangun menentang dan membahas fikiran Saidina Umar yang tersebut dan dengan kerana tepatnya fikiran itu maka Saidina Umar telah rujuk lalu berkata : “Seorang perempuan telah tepat pendapatnya dan Umar telah tersalah”.

Dengan kejadian yang tersebut ini maka zahir dengan terang bahawa perempuan itu mempunyai hak yang bebas sama ada dalam fikiran atau sebagainya bagi mendirikan haknya terutamanya pula ada percubaan-percubaan atau acuman-acuman yang merebut haknya seperti yang kita lihat hari ini nampaknya sebahagian daripada ulama-ulama kita sebahagian daripada kita telah tidak mau menunjukkan hak-hak perempuan sehingga di dalam perkahwinan kerap kali terjadi di dalam lingkungan-lingkungan ulama itu sendiri memaksa anaknya dengan tepat supaya berkahwin dengan orang yang dikehendakinya dengan alasan bahawa wali Majbur berhak penuh untuk mengahwinkan anaknya kepada sesiapa juga yang disukainya dengan tidak izin atau dengan tidak lebih dahulu meminta izin daripada anaknya dengan membawa alasan-alasan daripada hadis-hadis yang lemah rawinya yang boleh disifatkan perbuatan itu merampas kebebasan hak perempuan yang telah baligh sebagaimana yang telah saya rencanakan di dalam tulisan saya yang lalu. (Faham tentang kuasa wali majbur yang penuh itu ada berjalan di dalam Mazhab Syafie sahaja dan ada berjalan di dalam lingkung kita di sini yang saya berharap supaya diselidiki dengan halus dan lebih tepat oleh ulama-ulama kita tentang rawi hadis-hadis yang dibawa oleh kerana yang demikian besar sungguh mudharatnya kalau terjadi dengan tidak keredhaan

daripada perempuan. Kita mesti ingat bahawa Imam Syafie sendiri berkata. “Janganlah diikuti perkataanku jika ia bersalahan dengan al-Quran dan al-Hadis”).


Saya suka mengulang semula tentang mudharat yang harus terjadi tadi iaitu yang menanggung di dalam perkahwinan itu kelak ialah perempuan. Kalau kahwin dengan keredhaannya tentulah ia redha menderita segala kekurangan yang mesti terpikul olehnya – tidak dengan terpaksa atau dipaksa sama ada tepat atau tidak – kerana Islam tidak sekali-sekali memberati kepada perempuan. Di dalam masa ia menjadi isteri tidak ada sesuatu tanggungan, kewajipan dan hak yang mesti ditunaikan kepada suaminya selain daripada memelihara dengan baik kehormatan dirinya dan taat kepada suaminya iaitu dengan pandangan bahawa suami itu ialah ketua keluarganya.

Selain daripada itu Islam tidak memberati perempuan supaya berkhidmat kepada suaminya (memasak, mencuci dan sebagainya), berkhidmat kepada anaknya (mendukung dan membela anak) dan juga kepada dirinya sendiri bahkan suami itu memberi tanggungan supaya mengadakan orang gaji bagi

isterinya, menyiapkan makanannya dan jika suaminya miskin maka hendaklah ia sendiri berkhidmat kepada isterinya itu apabila ia mendapat anak maka hendaklah dicari orang yang jadi penyusu anak, membela anaknya dan jika isterinya sendiri dengan redha membela dan menyusukan anaknya itu maka sudah tentu perempuan itu akan mendapat dua pahala – pahala menyusukan dan pahala membela tetapi jika suami itu itu fakir (miskin) maka Islam akan memaafkannya dan tanggungan yang tersebut gugur iaitu dengan kerana kemiskinannya tetapi wajib ingat jangan sekali-kali mendatangkan paksaan kepada mereka dan sebab itu janganlah kalau ia tak hendak memasak ditendang terajang.

Rasulullah (SAW) bersabda yang madmunnya: “Orang-orang yang sangat baik di antara kamu ialah mereka-mereka yang sangat baik kepada ahli rumahnya ; dan aku ini ialah orang yang sangat baik di antara kamu kepada ahli rumahku” (hadis sahih diriwayatkan oleh Tarmizi).

Di dalam makalah yang akan datang saya akan menyatakan tentang hak-hak perempuan terhadap kepada hartanya.



*Pasukan-pasukan tentera perempuan Pakistan sedang berbaris di Karachi di dalam barisan istiadat kerana menyambut lawatan Syah Iran ke Pakistan sedikit masa yang lalu. Pakistan ialah negara yang berdasar agama Islam. Adakah syarak Islam membenarkan perempuan-perempuan memikul senapang ke dalam medan perang? – soal ini harus akan dikupas oleh pengarang rencana ini kelak.*